



Good food, Good life

TERMA DAN SYARAT

A. Jadual bagi Syarat Penyertaan

1. <u>Penganjur:</u>	Nestlé Products Sdn. Bhd. (197901000966).
2. <u>Promosi:</u>	PERADUAN MAGGI JOM MASAK & MENANG BERSAMA. KOTOBIAN TADAU KA'AMATAN.
3. <u>Tempoh Promosi:</u>	Promosi bermula jam 00:00:00 (WPM) pada 01/05/2025 dan ditutup jam 23:59:59 (WPM) pada 30/06/2025.
4. <u>Kelayakan:</u>	Promosi ini terbuka kepada semua individu penduduk yang sah <u>SABAH dan WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN</u> berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi, dengan dokumen pengenalan yang sah dan beralamat rumah di <u>SABAH dan WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN</u> . Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.
5. <u>Produk Turut Serta:</u>	Sila rujuk senarai produk MAGGI turut serta ["Produk"] yang ditunjukkan di laman web Promosi: https://www.maggi.my/ms/aktiviti-maggi/maggi-gawai-kaamatan
6. <u>Bukti Pembelian & Kaedah Penyertaan:</u>	a. Untuk menyertai Promosi, beli minimum Ringgit Malaysia Lapan (RM8) ("Pembelian Minimum") mana-mana Produk dalam satu resit asal ("Bukti Pembelian") daripada mana-mana outlet dalam kedai ("Resit") dan/atau tangkapan skrin invois daripada mana-mana platform dalam talian ("Invois") semasa Tempoh Promosi. b. <u>Resit Outlet di dalam kedai:</u> i. Resit boleh didapati dalam bentuk resit bercetak dari sistem point-of-sale dan/atau resit bertulis untuk pembelian di dalam kedai Outlet. Resit mesti mengandungi nama dan/atau logo Outlet di mana pembelian dibuat. Sekiranya ini tidak tertera, Resit perlu dicop dengan cap rasmi syarikat outlet di mana pembelian dibuat. ii. Resit juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian Produk, nombor Resit ("Butiran Resit"). c. <u>Invois Peniaga Dalam Talian:</u> i. Invois boleh didapati dalam bentuk tangkapan skrin invois untuk pembelian dalam talian dari mana-mana peniaga dalam talian. Invois mesti mengandungi nama dan/atau logo peniaga dalam talian di mana pembelian dalam talian dibuat. Untuk pembelian dalam talian dengan kod promosi dan/atau rebat dan/atau baucar diskaun dan/atau baucar penghantaran dan/atau diskaun lain,

	<u>jumlah pembayaran akhir Produk</u> mestilah jumlah Pembelian Minimum dan ke atas untuk layak. ii. Invois juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian Produk dan nombor invois (“Butiran Invois”). d. Terdapat tiga (3) kaedah penyerahan untuk menyertai Promosi seperti yang disenaraikan di bawah. Penyerahan melalui sebarang kaedah lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan kurier atau POS Laju, akan dibatalkan. i. Pos (melalui pos biasa sahaja), ii. Drop Box – hanya tersedia di outlet yang mengambil bahagian dengan Promoter, iii. WhatsApp.
7. <u>Penyerahan Penyertaan:</u>	a. <u>Penyerahan Penyertaan melalui Pos atau Drop Box:</u> i. Lengkapkan satu (1) Borang Penyertaan Promosi (“Borang”) dengan butiran yang diperlukan iaitu nama penuh, nombor pengenalan dan nombor mudah alih (WhatsApp diaktifkan) dan sertakan satu (1) Bukti Pembelian. Borang boleh didapati di semua outlet yang mengambil bahagian dan/atau lawati Laman Web Promosi di: https://www.maggi.my/ms/aktiviti-maggi/maggi-gawai-kaamatan untuk mencetak Borang tersebut. ii. <u>Melalui Pos:</u> Borang yang telah lengkap diisi bersama dengan satu (1) Bukti Pembelian hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dan dipos melalui pos biasa sahaja ke alamat Peti Surat yang dinyatakan dalam Borang (“Penyertaan”): PERADUAN MAGGI JOM MASAK & MENANG BERSAMA P. O. BOX 14299 88849 KOTA KINABALU, SABAH ATAU iii. <u>Melalui Drop Box:</u> Borang yang telah lengkap diisi bersama-sama dengan satu (1) Bukti Pembelian (disertakan) mesti dimasukkan ke dalam Drop Box di mana-mana outlet yang mengambil bahagian dengan Promoter (“Penyertaan”). b. <u>Penyerahan Penyertaan melalui WhatsApp:</u> i. Tangkap satu (1) gambar/imej <u>yang jelas dan boleh dibaca</u> dalam format jpg atau jpeg atau png Bukti Pembelian dengan Butiran Resit atau Butiran Invois (“Ikej”). ii. Satu (1) Imej mesti mengandungi gambar satu (1) Bukti Pembelian sahaja dan fail Imej mesti kurang daripada 5MB. iii. Hantar Imej melalui WhatsApp ke 6018 322 2155 menggunakan nombor mudah alih yang didaftarkan di Malaysia. iv. Selepas menghantar Imej anda, anda akan menerima mesej auto-balas yang mengarahkan anda untuk menyerahkan nama penuh dan nombor pengenalan anda (“Butiran Peribadi”). Untuk melengkapi pendaftaran dan penyerahan penyertaan anda (“Penyertaan”), sila ikuti arahan dalam mesej auto-balas dan hantar Butiran Peribadi dan kesemua butiran yang diperlukan serta-merta. v. Anda boleh menghantar seberapa banyak Penyertaan yang anda inginkan menggunakan nombor mudah alih yang sama, tetapi anda hanya perlu memberikan Butiran Peribadi anda sekali sahaja kerana semua Penyertaan

	seterusnya akan dipautkan kepada Butiran Peribadi yang diberikan pada mulanya. vi. Mesej perakuan auto-balas akan dihantar oleh Penganjur untuk Penyertaan WhatsApp pertama dan Butiran Peribadi yang diterima daripada setiap nombor mudah alih sahaja. c. Peserta boleh menghantar seberapa banyak Bukti Pembelian yang mereka inginkan tetapi setiap Bukti Pembelian HANYA layak untuk satu (1) penyertaan Pos ATAU satu (1) penyertaan Drop Box ATAU satu (1) penghantaran penyertaan WhatsApp. d. Setiap Penyertaan yang diterima akan disahkan dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi penyertaan yang layak (setiap satu "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan-penyertaan Layak"). Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana Penyertaan dengan Butiran Peribadi yang tidak lengkap atau tidak sepadan, imej yang tidak jelas dan/atau tidak boleh dibaca dan/atau pendua dan/atau mengandungi lebih daripada satu (1) Bukti Pembelian dan/atau di mana Bukti Pembelian tidak boleh dibaca, dengan butiran yang tidak lengkap, dicetak semula, diduplikasi, tidak jelas, rosak, ditukar dan/atau diubah suai. e. Semua Penyertaan akan disemak untuk pendua berdasarkan nama penuh Peserta, nombor pengenalan dan nombor mudah alih yang diserahkan. Semua Penyertaan yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Penganjur tanpa notis lanjut kepada Peserta. Penganjur juga boleh, tanpa pemberitahuan lanjut kepada Peserta, membatalkan kelayakan mana-mana Bukti Pembelian jika Penganjur mengesyaki bahawa Peserta menyerahkan Bukti Pembelian yang dihasilkan sendiri, dipalsukan atau dikeluarkan ke atas Produk yang tidak dibeli. f. Penganjur berhak untuk meminta bukti salinan cetak Bukti Pembelian asal seperti imej yang diterima dalam Penyertaan Layak sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak Bukti Pembelian asal apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan dan pelucutan.
8. <u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u>	Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur dalam Tempoh Promosi. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi yang berkenaan akan dibatalkan secara automatik.
9. <u>Peruntukan Nombor Bersiri untuk Penyertaan Layak:</u>	a. Semasa proses pemilihan Finalis, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri mengikut jumlah pembelian Produk seperti yang dinyatakan dalam Bukti Pembelian Penyertaan Layak yang dikemukakan, seperti berikut: i. Bagi setiap pembelian Ringgit Malaysia Lapan (RM8) Produk, Penganjur akan memperuntukkan satu (1) nombor bersiri. ii. Dalam apa jua keadaan, akan terdapat had peruntukan maksimum sepuluh (10) nombor bersiri bagi setiap Bukti Pembelian. Sebarang jumlah baki dalam Bukti Pembelian akan dibatalkan sebaik sahaja nombor bersiri maksimum telah diperuntukkan.

	b. Sebagai contoh: i. Jika anda membeli RM8.50 Produk dalam satu Bukti Pembelian semasa Tempoh Promosi, satu (1) nombor bersiri akan diperuntukkan. ii. Jika anda membeli RM80.50 Produk dalam satu Bukti Pembelian semasa Tempoh Promosi, sepuluh (10) nombor bersiri akan diperuntukkan. iii. Jika anda membeli RM185.50 Produk dalam satu Bukti Pembelian semasa Tempoh Promosi, maksimum sepuluh (10) nombor bersiri akan diperuntukkan.								
10. <u>Hadiah Mingguan:</u>	a. Hadiah Mingguan yang akan dimenangi untuk setiap minggu selama lapan (8) minggu berturut-turut ialah tiga puluh (30) Kod PIN Tambah Nilai e-Wallet bernilai RM80 setiap satu. Semua Pemenang boleh memilih Kod PIN Tambah Nilai e-Wallet pilihan mereka seperti berikut: - i. PIN Tambah Nilai Touch 'n Go e-Wallet atau, ii. Kod Penebusan Kredit Boost atau, iii. E-Kredit SPayGlobal (Sarawak Pay). b. Terdapat sejumlah dua ratus empat puluh (240) Hadiah Mingguan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi. c. Kumpulan Penyertaan adalah berdasarkan tarikh penerimaan Penyertaan Layak dan lapan (8) tempoh mingguan adalah seperti berikut: <table border="0"> <tr> <td>Minggu 1: 01/05 – 07/05/2025</td><td>Minggu 2: 08/05 – 14/05/2025</td></tr> <tr> <td>Minggu 3: 15/05 – 21/05/2025</td><td>Minggu 4: 22/05 – 28/05/2025</td></tr> <tr> <td>Minggu 5: 29/05 – 04/06/2025</td><td>Minggu 6: 05/06 – 11/06/2025</td></tr> <tr> <td>Minggu 7: 12/06 – 18/06/2025</td><td>Minggu 8: 19/06 – 30/06/2025</td></tr> </table>	Minggu 1: 01/05 – 07/05/2025	Minggu 2: 08/05 – 14/05/2025	Minggu 3: 15/05 – 21/05/2025	Minggu 4: 22/05 – 28/05/2025	Minggu 5: 29/05 – 04/06/2025	Minggu 6: 05/06 – 11/06/2025	Minggu 7: 12/06 – 18/06/2025	Minggu 8: 19/06 – 30/06/2025
Minggu 1: 01/05 – 07/05/2025	Minggu 2: 08/05 – 14/05/2025								
Minggu 3: 15/05 – 21/05/2025	Minggu 4: 22/05 – 28/05/2025								
Minggu 5: 29/05 – 04/06/2025	Minggu 6: 05/06 – 11/06/2025								
Minggu 7: 12/06 – 18/06/2025	Minggu 8: 19/06 – 30/06/2025								
11. <u>Maklumat Pengadil – Hadiah Mingguan:</u>	a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Mingguan, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri kepada Penyertaan Layak mengikut Klausa 9, bermula dari nombor bersiri "1". b. Setiap minggu nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak mingguan ("Jumlah Penyertaan Layak Mingguan"). Andainya Jumlah Penyertaan Layak Mingguan bagi minggu tersebut adalah 3035, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan cara berikut: i. Pemilihan tiga puluh (30) Finalis Hadiah Mingguan: $3035 \div 30 = 101.16$. Oleh sebab pembahagian 3035 dengan 30 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 101.16 akan dibundarkan ke bawah kepada 101. 30 Peserta berikut dengan Penyertaan yang mengandungi nombor bersiri berikut akan dipilih: 101*, 202*, 303*, 404, 505, 606 dan seterusnya (*contoh pengiraan: 101, $101+101=202$, $202+101=303$).								
12. <u>Cabaran Akhir MAGGI:</u>	a. Tujuh (7) Finalis akan dipilih untuk menyertai Cabaran Akhir MAGGI 2025 ("Cabaran"). Cabaran ini akan merupakan satu siri aktiviti mental dan fizikal yang ringan.								

	b. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Cabaran, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri kepada Penyertaan Layak mengikut Klausa 9, bermula dari nombor bersiri "1". c. Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ("Jumlah Penyertaan Layak"). Andainya Jumlah Penyertaan Layak adalah 30335, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan cara berikut: i. Pemilihan tujuh (7) Finalis Hadiah Cabaran: $35005 \div 7 = 5000.71$. Oleh sebab pembahagian 35005 dengan 7 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 5000.71 akan dibundarkan ke bawah kepada 5000. 7 Peserta berikut dengan Penyertaan yang mengandungi nombor bersiri berikut akan dipilih: 5000*, 10000*, 15000*, 200000, 200000, 200000, 30000 (*contoh pengiraan: 5000, $5000+5000=10000$, $10000+5000=15000$). d. Pembekal perkhidmatan Penganjur akan menghubungi semua Finalis Cabaran terpilih melalui WhatsApp daripada 6018 322 2155 ke nombor mudah alih yang diterima Penganjur dalam Penyertaan Layak. Finalis Cabaran terpilih akan dijemput untuk menyertai Cabaran ("Jemputan"). Penganjur akan memaklumkan dan memberi taklimat kepada Finalis Cabaran tentang keperluan, lokasi, tarikh dan masa Cabaran. Sebarang kos perjalanan dan/atau penginapan yang ditanggung oleh Finalis Cabaran untuk menyertai Cabaran hendaklah menjadi tanggungjawab Finalis Cabaran. Finalis Cabaran yang dipilih mesti menjawab Jemputan Penganjur dalam masa yang dinyatakan, jika gagal, hak Finalis Cabaran untuk mengambil bahagian akan dibatalkan dan Penganjur hendaklah memilih Finalis Cabaran yang lain mengikut budi bicara Penganjur. e. Penyertaan oleh Finalis Cabaran dalam Cabaran selanjutnya akan tertakluk kepada satu set terma dan syarat ("Peraturan Dasar") yang akan dimaklumkan dan diumumkan oleh Penganjur pada hari Cabaran kepada Finalis Cabaran. f. Penganjur akan menentukan Hadiah yang akan dimenangi oleh setiap Finalis Cabaran selepas penyertaan Finalis Cabaran dalam Cabaran tersebut. g. Finalis Cabaran yang gagal dan/atau enggan mengambil bahagian dalam Cabaran atas apa jua sebab akan dibatalkan secara automatik oleh Penganjur dan hadiah yang telah diperuntukkan untuk Finalis Cabaran yang berkaitan akan dibatalkan. h. Hak Finalis Cabaran untuk mengambil bahagian dalam Cabaran tidak boleh dipindah milik sama sekali. Setiap Finalis Cabaran hanya boleh memenangi satu (1) Hadiah Cabaran.
13. <u>Hadiah Cabaran Akhir MAGGI:</u>	a. Terdapat tujuh (7) hadiah untuk dimenangi dalam Cabaran, seperti berikut: i. Satu (1) Hadiah Utama berupa ISUZU DMAX 4x2 AUTO PLUS bernilai RM114,380 (harga atas jalan, tidak termasuk insurans). Hadiah Utama termasuk pendaftaran kereta standard dan cukai jalan. Sebarang kos tambahan atau kos

	rampaian yang berkaitan dengan penggunaan dan penyelenggaraan Hadiah Utama akan menjadi tanggungjawab pemenang sepenuhnya. ii. Satu (1) Hadiah Pertama berupa peralatan memasak berjenama pilihan pemenang bernilai sehingga RM3,000*. iii. Lima (5) Hadiah Kedua berupa peralatan memasak berjenama pilihan pemenang bernilai sehingga RM1,500* setiap satu. <i>*Pemenang Hadiah Pertama dan Hadiah Kedua boleh memilih daripada pilihan peralatan memasak berjenama sehingga amaun hadiah sahaja. Jika peralatan memasak berjenama yang dipilih oleh pemenang adalah di bawah amaun hadiah, jumlah baki akan dibatalkan, dan pemenang tidak akan mendapat jumlah baki dalam apa jua bentuk. Jika peralatan memasak berjenama yang dipilih oleh pemenang melebihi amaun hadiah, pemenang hendaklah membayar jumlah tambahan.</i> <i>Contoh:</i> - Jika pemenang Hadiah Kedua memilih peralatan memasak berjenama bernilai RM1,650, pemenang tersebut perlu membayar tambahan RM150. - Jika pemenang Hadiah Kedua memilih peralatan memasak berjenama bernilai RM1,300, jumlah baki RM200 akan dibatalkan.
14. <u>Terma Tambahan:</u>	a. Setiap Peserta hanya boleh memenangi di sepanjang Tempoh Promosi: i. Satu (1) Hadiah Mingguan setiap minggu, sehingga maksimum dua (2) Hadiah Mingguan, dan ii. Satu (1) Hadiah Cabaran. b. Penganjur akan menghubungi semua Finalis Hadiah Mingguan terpilih melalui WhatsApp dari 6018 322 2155 ke nombor mudah alih yang dihantar kepada Penganjur semasa penyerahan Penyertaan. Setiap Finalis Hadiah Mingguan terpilih akan diberikan satu (1) soalan untuk dijawab. Finalis Hadiah Mingguan terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Kegagalan untuk menjawab dengan betul dan/atau kegagalan untuk menjawab soalan yang diberikan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan akan mengakibatkan pembatalan Hadiah. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Finalis Hadiah Mingguan terpilih tidak boleh dihubungi atas apa jua sebab. Penganjur berhak untuk memilih Finalis Hadiah Mingguan yang lain mengikut budi bicara Penganjur sekiranya Finalis Hadiah Mingguan yang dipilih sebelumnya tidak dapat dihubungi atau gagal menjawab soalan dengan betul dalam masa yang dinyatakan. Finalis Hadiah Mingguan yang menjawab soalan dengan betul dalam masa yang dinyatakan akan dianggap sebagai Pemenang. c. Semua Pemenang Hadiah Mingguan e-Wallet akan menerima Kod PIN Tambah Nilai e-Wallet mereka daripada pembekal perkhidmatan Penganjur melalui WhatsApp daripada 6018 322 2155 ke nombor mudah alih yang diserahkan kepada Penganjur semasa penyerahan Penyertaan dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu dari tarikh tutup Promosi.

	d. Penganjur tidak akan bertanggungjawab dan dipertanggungjawabkan sekiranya mana-mana Kod PIN Tambah Nilai e-Wallet tidak dapat dihantar atau disampaikan kepada pemenang kerana sebarang perubahan, kesilapan dan/atau perbezaan dalam nombor hubungan yang diserahkan kepada Penganjur semasa penyerahan Penyertaan. e. Semua Pemenang Mingguan e-Wallet mesti mematuhi terma dan syarat vendor dan pihak yang mengatur dan menyediakan Kod PIN Tambah Nilai e-Wallet. Pemenang hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya untuk sebarang yuran pentadbiran tambahan atau kos yang berkaitan dengan menebus Kod PIN Tambah Nilai e-Wallet melalui saluran selain daripada aplikasi dan penggunaan masing-masing. Berikut adalah terma dan syarat vendor: i. Penebusan dan penggunaan PIN Tambah Nilai Touch 'n Go tertakluk pada Terma & Syarat Touch 'n Go Sdn Bhd (TNG Digital Sdn Bhd); https://www.touchngo.com.my/assets/pdf/user-tnc.pdf ii. Penebusan dan penggunaan Kod Penebusan Kredit Boost tertakluk pada Terma & Syarat Axiata Digital eCode Sdn Bhd; https://www.myboost.com.my/terms/ iii. Penggunaan e-Kredit SPayGlobal (Sarawak Pay) tertakluk pada Terma & Syarat SiliconNet Technologies Sdn Bhd's; https://spayglobal.my/page-0-31-22-Terms-and-Conditions-of-Services.html f. Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk melanjutkan tempoh masa penghantaran Hadiah Kod PIN Tambah Nilai e-Wallet sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Penganjur. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pemenang tidak menerima atau terdapat kelewatan penghantaran Hadiah Kod PIN Tambah Nilai e-Wallet kepada Pemenang. g. Semua Kod PIN Tambah Nilai e-Wallet yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditetapkan oleh Penganjur seperti yang dinyatakan dalam mesej WhatsApp akan dibatalkan. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan alternatif yang sama atau lebih besar nilainya. h. Semua Pemenang Hadiah Pertama dan Kedua dikehendaki mengambil Hadiah mereka di outlet terpilih atau lokasi seperti yang dimaklumkan oleh Penganjur atau pihak berkaitan yang dilantik oleh Penganjur. Di mana berkenaan, Pemenang akan menerima surat perakuan Pemenang dalam masa dua (2) – empat (4) minggu dari Cabaran ke alamat yang diberikan oleh Pemenang. i. Pemenang Hadiah Utama dikehendaki mengambil Hadiah Utama di outlet terpilih atau lokasi seperti yang dimaklumkan oleh Penganjur atau pihak berkaitan yang dilantik oleh Penganjur. Di mana berkenaan, Pemenang Hadiah Utama akan dihubungi oleh pihak berkaitan yang dilantik oleh Penganjur untuk pengambilan Hadiah Utama dalam masa dua (2) – empat (4) minggu dari Cabaran. j. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya mana-mana Hadiah atau surat perakuan tidak dapat dihantar atau disampaikan kepada Pemenang kerana sebarang perubahan atau perbezaan kepada alamat penghantaran dan/atau dalam
--	---

	nombor mudah alih yang diserahkan oleh Pemenang kepada Penganjur semasa penyerahan Penyertaan. k. Iklan Keputusan Pemenang boleh didapati di: https://www.maggi.my/ms/aktiviti-maggi/maggi-gawai-kaamatan dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu dari tarikh tutup Promosi. l. Semua Pemenang mesti memberikan butiran peribadi mereka yang diperlukan kepada Penganjur untuk pemenuhan hadiah, tanpanya Penganjur mungkin tidak dapat memenuhi hadiah tersebut. Penganjur berhak untuk membatalkan Hadiah mereka jika Pemenang gagal memberikan butiran penuh mereka atas permintaan. Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang Penyertaan atau Hadiah jika butiran peribadi Peserta atau Pemenang (termasuk nama penuh, nombor pengenalan dan nombor mudah alih) didapati tidak tepat atau salah pada bila-bila masa. m. Penganjur berhak meminta penyerahan salinan fotokopi dokumen pengenalan dan salinan asal Bukti Pembelian seperti imej yang diterima dalam Penyertaan Layak daripada Pemenang untuk pengesahan sebelum pemenuhan Hadiah. Kegagalan untuk menyerahkan atas permintaan akan menyebabkan kehilangan kelayakan dan pelucutan. Selepas pengesahan, Penganjur berhak untuk membatalkan Hadiah mereka jika Penganjur mengesyaki bahawa Pemenang yang dinyatakan telah menyerahkan Bukti Pembelian yang dicetak semula, dipalsukan, dihasilkan sendiri atau dikeluarkan ke atas Produk yang belum dibeli. n. Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan di bawah klausa ini disebabkan oleh sebab-sebab di luar kawalan Penganjur. Penganjur berhak untuk menukar kaedah pemenuhan Hadiah yang dinyatakan di bawah klausa ini mengikut budi bicara Penganjur. o. Semua Hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh tutup yang ditetapkan oleh Penganjur dalam pemberitahuan pemenang untuk pengambilan hadiah akan dibatalkan. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan alternatif yang sama atau lebih besar nilainya. p. Semua Pemenang mesti mematuhi terma dan syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan Hadiah serta terma dan syarat yang disertakan, jika ada. q. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan Hadiah lain yang sama nilai sekiranya Hadiah asal yang ditawarkan tidak tersedia. r. Penganjur tidak termasuk tanggungjawabnya dan semua tanggungjawab yang timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian pada Promosi atau hadiah atau disebabkan oleh keadaan lain yang tidak dijangka dan di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan pihak pemerintah, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, tindakan keganasan
--	---

	(termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan nasional, atau berlakunya epidemik/pandemik) dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga. s. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan yang berlaku ke atas hadiah semasa proses penghantaran. Sebarang kos tambahan lain (seperti kos perjalanan, kos pengangkutan, duti dan cukai) yang termasuk untuk menebus atau mengambil hadiah akan ditanggung oleh pemenang atas kos mereka sendiri.
--	---

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan **Syarat Penyertaan dan Notis Privasi** yang boleh didapati di: <https://www.maggi.my/ms/aktiviti-maggi/maggi-gawai-kaamatan> secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua peserta (dan ibu bapa/penjaga sah peserta, dalam kes peserta di bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).

B: Syarat-syarat Penyertaan

1. Pengenalan

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Peraduan akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan konklusif pada semua Peserta, dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

2. Penyertaan Peraduan

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Peraduan ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.

- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Peraduan ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau bukti penerimaan yang tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

3. Kelayakan

- 3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Peraduan ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

4. Ketidaklayakan

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Peraduan ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

5. Perlucutan Kelayakan

- 5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:
- (a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau

- (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.
- 5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:
 - (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Peraduan dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau
 - (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.
- 5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

6. Hadiah

- 6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.
- 6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.
- 6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
- 6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

- (a) **Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

- (b) **Hadiah Pelancongan/Percutian:**

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan adalah tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti dituntut menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, passport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

- 6.5 Hadiah diberikan berasaskan “keadaan seperti sedia ada”. Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak

memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.

6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.

6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

7. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan penyertaan seorang Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Peraduan (secara kolektif dirujuk sebagai "Material"), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk pengiklanan, publisiti dan Peraduan mana-mana barangan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

8. Hak Milik Harta Intelekt

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Peraduan ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta menyetepikan segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

9. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 ("Kumpulan Nestlé Malaysia"), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan kerosakan berbangkit) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Peraduan, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Peraduan ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

10. Had Liabiliti

10.1 Penyertaan Peserta dalam Peraduan ini adalah atas risiko Peserta sendiri.

10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh

Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Peraduan ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

11. Am

- 11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Peraduan dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.
- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan Peraduan) berhubung dengan Peraduan ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Peraduan ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.
- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerahkan mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Peraduan yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Peraduan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

12. Notis Privasi

- 12.1 Dengan menyertai Peraduan, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur mengikut Notis Privasi di https://www.nestle.com.my/info/privacy_policy/privacy_bm.
- 12.2 By participating in the Promotion, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice.

